

Penubuhannya di UMS lahirkan anak tempatan mahir dalam bidang tersebut

Fakulti Kejuruteraan Gas, Minyak

Oleh **HISYAMUDDIN AYUB**
utusansabah@utusan.com.my

um 09.05.2012 26

KOTA KINABALU 8 Mei - Universiti Malaysia Sabah (UMS) disaran mewujudkan sebuah Fakulti Kejuruteraan Gas dan Minyak bagi melahirkan anak tempatan yang mahir dalam bidang tersebut.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) berkata, saranan itu penting berdasarkan kajian oleh Petronas yang meramalkan Sabah akan menjadi sebuah ne-

geri pembekal minyak dan gas utama kepada negara pada masa depan.

Sehubungan itu kata beliau, penubuhan fakulti tersebut bakal memberi manfaat besar kepada anak negeri dan industri minyak di negeri ini.

"UMS hendaklah melihat kajian tersebut sebagai satu peluang bagi melahirkan kepakaran dalam bidang kejuruteraan dan cari gali,"



katanya dalam ucaptama siri Syarahan Kinabalu: Sabah dalam Konteks Sosio-Politik Malaysia di UMS dekat sini baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Yahya Hussin dan Naib Canselor UMS, Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, situasi itu pastinya memberi kebaikan terutama kepada pelajar dan rakyat tem-

patan dalam menikmati hasil bumi dengan lebih proaktif.

Kata beliau, saranan tersebut juga harus mendapat sokongan dari segi dasar yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat dan negeri khususnya.

Katanya, Petronas sendiri merupakan sebuah syarikat petroleum yang menjalankan kesemua bahagian dalam bidang gas dan minyak.

Menurut beliau, pada masa ini negara sememangnya bertuah kerana memiliki Petronas yang mengendalikan sendiri kerja cari gali, mem-

buat kajian, memasar, mewujudkan industri minyak dan membina terusan bawah tanah untuk gas.

Bagaimanapun katanya, UMS perlu menubuhkan sebuah fakulti yang mampu memberi manfaat kepada anak tempatan bagi mempelopori bidang penting tersebut.

"Dengan adanya fakulti tersebut, perusahaan gas dan minyak akan mampu meningkatkan pendapatan masyarakat setempat dan membolehkan anak tempatan merasai nikmatnya," katanya.